

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Dua negara iktiraf sijil vaksinasi

Kuala Lumpur: Malaysia bersetuju untuk mengiktiraf sijil vaksinasi COVID-19 dari Vietnam secara timbal balas selepas negara itu turut melakukan tindakan sama pada Ogos lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ia diputuskan selepas pertemuannya dengan rakan sejawatan di Vietnam, Pham Minh Chinh, dalam lawatan rasminya ke negara itu sejak Ahad lalu.

"Kedua-dua negara juga bersetuju mengadakan integrasi aplikasi MySejahtera Malaysia bersama PC COVID Vietnam. Vietnam sudah membuka sempadan antarabangsa mereka pada 15 Mac, manakala Malaysia juga membuat keputusan untuk membuka sempadan dan beralih kepada fasa peralihan endemik ber-

mula 1 April ini.

"Justeru, saya mengutarakan beberapa inisiatif kerjasama baharu di samping meningkatkan kerjasama sedia ada ke tahap yang lebih tinggi," katanya dalam nota percakapan sidang media pada hari terakhir lawatan rasminya ke Vietnam, yang dikeluarkan di sini, semalam.

Dalam aspek vaksinasi, beliau berkata, Malaysia bersetuju mengiktiraf sijil vaksinasi dari Vietnam, bukan sahaja berdasarkan amalan timbal balas, tetapi mengambil kira yang negara itu turut menggunakan jenis vaksin COVID-19 yang diluluskan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Dalam lawatan itu, Ismail Sabri turut bertukar pandangan mengenai konflik Russia-Ukrai-

ne dan dalam isu berkenaan, kedua-dua negara mengambil sikap berkecuali.

"Bagaimanapun, Malaysia tegas menyatakan tidak akan berkompromi dari segi pencerobohan negara lain ke atas negara berdaulat yang lain. Kita tidak menyokong pencerobohan seperti ini, bagaimanapun pendirian kita tidak campur tangan.

"Kita mahu supaya isu yang berlaku di Ukraine dapat diselesaikan dengan cara diplomatik. Mengenai sekatan yang dilakukan terhadap Rusia, kita menyatakan pendirian bahawa kita tidak menyokong sekatan dilakukan secara bersendirian, unilateral. Kita hanya iktiraf sekatan jika ia diputuskan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

Kes positif catat penurunan

Kuala Lumpur: Kes positif harian Covid-19 negara terus mencatatkan trend penurunan apabila 17,828 kes direkodkan kelmarin berbanding 19,105 kes pada 20 Mac, menjadikan 4,010,952 kes kumulatif.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata daripada 17,828 kes positif Covid-19 yang dicatatkan kelmarin, sebanyak 9,121 kes atau 51.16 peratus membabitkan kategori satu manakala 8,551 kes atau 47.96 peratus membabitkan kategori dua.

"Sebanyak 55 kes (0.31 peratus) berada dalam kategori tiga; 48 kes (0.27 peratus) dalam kategori empat dan 53 kes (0.30 peratus) dalam kategori lima," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau menjelaskan daripada 156 kes Covid-19 yang membabitkan kategori tiga, empat dan lima, 33 kes tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi; 64 kes pula telah menerima dua dos vaksin tetapi belum me-



Sebanyak 55 kes berada dalam kategori tiga; 48 kes dalam kategori empat dan 53 kes dalam kategori lima"

Dr Noor Hisham

nerima dos penggalak dan 59 kes telah menerima dos penggalak.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata 28,003 kes sembuh dilaporkan kelmarin, menjadikan kes sembuh kumulatif sebanyak 3,712,668.

Beliau berkata sebanyak 358 kes memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 199 kes memerlukan alat bantuan pernafasan.

Menurut Dr Noor Hisham, lima negeri menunjukkan peratusan pengisian katil kes kritikal atau Unit

Rawatan Rapi (ICU) lebih 50 peratus iaitu Kuala Lumpur (63 peratus), Kelantan (58 peratus), Johor (57 peratus), Selangor (57 peratus) dan Perak (51 peratus).

Mengenai nilai kadar kebolehhangkitan (Rt) Covid-19 negara, beliau berkata ia masih kekal 0.92 dengan Sarawak mencatatkan Rt tertinggi iaitu 1.03 diikuti Perak dengan 1.01.

Beliau juga memaklumkan negara merekodkan dua kluster baharu menjadikan 6,914 kluster secara keseluruhan dengan 292 kluster aktif.

Kit Siang dikompaun langgar SOP

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) mengeluarkan kompaun kepada Ahli Parlimen Iskandar Puteri, Lim Kit Siang atas kesalahan melanggar prosedur operasi standard (SOP) pengawalan wabak Covid-19.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin menerusi perkongsian di Twitter berkata kompaun berkenaan dikeluarkan pada 20 Mac dan beliau turut menyertakan bukti kertas saman terhadap Lim.

Khairy membuat per-

kongsian itu sebagai reaksi selepas Ahli Parlimen Pekan, Datuk Seri Najib Razak mempersoalkan mengapa Lim tidak didenda kerana berpelukan dengan ahli parti pada Kongres Kebangsaan DAP ke-17 yang berlangsung Ahad lalu.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

Kematian tertinggi dicatat di Johor

Putrajaya: Sejumlah 63 kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan angka korban di negara ini meningkat kepada 34,463 kes sejak pandemik bermula 2020.

Menerusi laman sesawang Covidnow, negeri paling tinggi melaporkan kes kematian kelmarin adalah Johor membabitkan 14 kematian diikuti Selangor dengan 13 kes dan Perak (12).

Selain itu Kedah mencatat empat kes kematian, ma-

sing-masing tiga kes di Pulau Pinang, Sarawak dan Kuala Lumpur, masing-masing dua kes di Melaka, Sabah dan Terengganu dan satu kes masing-masing di Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis serta Labuan.

Dalam pada itu, daripada jumlah kes kematian yang direkodkan terdapat 21 kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID) dikesan.

Perkembangan itu menjadikan sehingga kini sebanyak 7,245 kes meninggal dunia sebelum bantuan pe-

rubatan dapat diberikan.

Perincian kes BID ialah lima kes dilaporkan di Johor, Perak (empat), Selangor (tiga), masing-masing dua kes di Kedah dan Sarawak serta satu kes masing-masing di Kelantan, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah dan Labuan.

Sementara itu, mengenai pemberian vaksin di negara ini, setakat kelmarin, sebanyak 35.7 peratus atau 1,267,491 kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun sudah mendapatkan seku-

rang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19.

Bagi pemberian vaksin kepada remaja berusia 12 hingga 17 tahun pula, 5,787,572 dos sudah diberikan.

Jumlah itu merangkumi sebanyak 2,942,850 dos pertama (94.6 peratus) dengan 2,844,722 bagi dos kedua (91.4 peratus).

Dalam pada itu, sebanyak 65.9 peratus atau 15,507,221 dos penggalak sudah diberikan kepada individu dewasa yang berusia 18 tahun ke atas.

WAKSINASI KANAK-KANAK DI SABAH KEKAL RENDAH

'Ibu bapa ambil sikap tunggu dan lihat'

Kota Kinabalu: Sikap tunggu dan lihat, selain terpengaruh dengan penularan berita palsu mengenai risiko vaksinasi kanak-kanak antara punca kadar pelalihan Covid-19 kanak-kanak di Sabah masih rendah.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Sabah Datuk Ir Shahelmei Yahya berkata, situasi itu menyebabkan vaksinasi kanak-kanak di Sabah ketika ini belum mencapai sasaran yang diharapkan.

Setakat Ahad lalu, kadar vaksinasi suntikan pertama Covid-19 bagi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di Sabah baru mencapai 21.79 peratus atau 89,662 orang.

"Kementerian saya melalui Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) sedar vaksinasi untuk kanak-kanak bermula dengan agak perlahan disebabkan beberapa kekangan.



Antaranya adalah sikap ibu bapa yang mengambil sikap tunggu dan lihat, selain penularan khabar palsu mengenai risiko vaksinasi untuk kanak-kanak"

Shahelmei

"Antaranya adalah sikap ibu bapa yang mengambil sikap tunggu dan lihat, selain penularan khabar palsu mengenai risiko vaksinasi untuk kanak-kanak," katanya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) Sabah, di sini, kelmarin.

Shahelmei berkata, kerajaan negeri sentiasa menggalakkan ibu bapa mendaftarkan anak mereka untuk menerima vaksin demi memastikan keselamatan kanak-kanak terbahit.

4,010,952 kes positif

3,712,668 individu pulih daripada jangkitan koronavirus secara keseluruhan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Kes positif Covid-19 di negara ini sudah mencecah empat juta kes dengan pertambahan sebanyak 17,828 kes setakat kelmarin.

Menerusi laman sesawang Covidnow, kes Covid-19 dikesan kelmarin membabitkan 17,421 kes penularan tempatan dengan 407 kes import mendapat jangkitan dari luar negara.

Perkembangan itu menjadikan sehingga kini jumlah keseluruhan individu dijangkiti virus berkenaan meningkat 4,010,952 kes.

Sehingga kini ada 263,821 kes aktif dengan kebolehhajangan Covid-19 dan daripada jumlah itu, 96.7 peratus atau 255,133 menjalani kuarantin wajib di rumah.

Ia diikuti 6,883 kes dirawat di hospital, Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19

TERDAPAT 292 kluster Covid-19 yang masih aktif sehingga kini.



51.16%

Kadar peratusan pesakit Covid-19 kategori satu

(PKRC) (1,447), Unit Rawatan Rapi (ICU) (159) dan ICU serta memerlukan alat bantuan pernafasan (199).

Sementara itu memperincikan mengenai kes kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan 51.16 peratus atau 9,121 kes pesakit Covid-19 dikesan berada dalam kategori satu serta 8,551 kes (47.96 peratus) kategori dua.

"Ia diikuti kategori tiga (55

kes), kategori lima (53 kes) dan kategori empat (48 kes). Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya mengesan dua kluster baharu menjadikan sehingga kini ada 292 kluster yang aktif di negara ini.

Beliau turut memaklumkan, setakat kelmarin, 28,003 kes sembuh dilapor, sekali gus mengatasi jumlah kes baharu direkodkan setakat tengah malam semalam.

Perkembangan itu menjadikan sehingga kini 3,712,668 individu pulih daripada jangkitan berkenaan.

Mengulas mengenai kapasiti katil ICU di negara ini, Dr Noor Hisham berkata, lima negeri mencatat penguna-

an lebih 50 peratus iaitu Kuala Lumpur (63 peratus), Kelantan (58 peratus), masing-masing 57 peratus dilaporkan di Johor dan Selangor serta Perak (51 peratus).

"Bagi katil bukan ICU, ada sembilan negeri mencatat penggunaan melebihi 50 peratus iaitu Selangor (89 peratus), Putrajaya (88 peratus), Terengganu (78 peratus), Kuala Lumpur (75 peratus) dan masing-masing 68 peratus di Perak dan Melaka.

"Perlis mencatat penggunaan mencecah 66 peratus, Sarawak (56 peratus) dan Kelantan (50 peratus), manakala tiada negeri catat penggunaan katil melebihi 50 peratus di PKRC," katanya.

15,507,221 dewasa ambil dos penggalak

Kuala Lumpur: Sebanyak 15,507,221 individu dewasa atau 65.9 peratus daripada populasi kumpulan itu di negara ini menerima dos penggalak Covid-19 setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman web Covidnow, 22,944,111 atau 97.5 peratus daripada populasi sama melengkapkan vaksinasi manakala 23,220,067 atau 98.7 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun, 2,844,722 individu atau 91.4 peratus daripada populasi itu melengkapkan vaksinasi mereka manakala 2,942,850 atau 94.6 peratus mene-

rima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sementara itu, untuk populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11, 1,267,491 individu atau 35.7 peratus kumpulan itu menerima dos pertama vaksin Covid-19 melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids).

Vaksinasi harian kelmarin menyaksikan 28,360 dos diberikan meliputi 4,848 dos pertama; 1,651 dos kedua dan 21,861 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 68,515,709.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Malaysia iktiraf sijil vaksinasi Vietnam

Oleh LUQMAN RIDHWAN
MOHD. NOR

HANOI – Kerajaan bersetuju untuk mengiktiraf sijil vaksinasi Vietnam yang merupakan satu daripada inisiatif kerjasama baharu antara Malaysia dan negara tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, perkara tersebut dimaklumkan beliau kepada rakan sejawatnya dari Vietnam, Pham Minh Chinh ketika mereka mengadakan pertemuan kelmari.

Beliau berkata, pengiktirafan sijil vaksinasi Covid-19 Vietnam itu merupakan timbal balas kepada langkah negara tersebut mengiktiraf sijil vaksinasi Malaysia pada Ogos tahun lalu.

"Ini merupakan hala tuju yang kita telah tetapkan berhubung isu ini.

"Keputusan ini bukan sahaja berdasarkan kepada amalan timbal balas, tetapi juga mengambil kira yang Vietnam turut menggunakan jenis-jenis vaksin Covid-19 yang diluluskan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) seperti mana yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia.

"Di samping itu, kedua-dua negara bersetuju mengadakan integrasi aplikasi MySejahtera Malaysia dengan PC Covid Vietnam," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.



ISMAIL SABRI (tengah) semasa membuat sidang akhbar di Hanoi, Vietnam semalam.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, Vietnam telah mengemukakan permintaan bekalan petroleum dan gas tambahan dari Malaysia.

Dalam hal ini, katanya, dengan mengambil kira kerjasama baik antara Malaysia dan Vietnam serta kepentingan industri petroleum dan gas negara, kerajaan telah bersetuju sebagai langkah permulaan untuk membekalkan 300,000 tong petroleum (RON95) kepada Vietnam.

"Vietnam menyatakan minat

untuk meningkatkan kerjasama dengan Malaysia dalam membekalkan industri halal mereka.

"Malaysia sedia menawarkan kepakaran dan khidmat nasihat kepada Vietnam, termasuk syarikat-syarikat Vietnam yang berminat. Kerjasama ini telah pun bermula," katanya.

Dalam hal ini, ujar Ismail Sabri, Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali akan memastikan Halal Development Corporation (HDC) Malay-

sia mengambil tindakan susulan yang sewajarnya.

"Saya secara spesifik membangkitkan potensi kerjasama halal dengan Vietnam dalam peluang membekalkan makanan halal semasa Sukan SEA 2021 yang akan dihoskan oleh Vietnam pada Mei ini.

"Saya juga menyatakan kesediaan Malaysia menawarkan produk-produk perbankan Islam untuk mempromosikan dan mengembangkan ekosistem industri halal di Vietnam," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Vietnam merupakan rakan dagang keempat terbesar Malaysia dalam ASEAN dan ke-11 di peringkat global.

Ismail Sabri berkata, pada 2021, perdagangan dua hala bernilai AS\$16.7 bilion (RM70 bilion) yang merupakan peningkatan membandingkan sebanyak 41.6 peratus berbanding tahun 2020.

"Sebelum ini, kedua-dua negara telah menetapkan sasaran nilai dagangan AS\$18 bilion (RM75 bilion) menjelang 2025. Kedua-dua negara bersetuju untuk menetapkan sasaran lebih tinggi.

"Bagaimanapun, saya berkongsi pandangan bahawa nilai sasaran ini masih kecil berbanding potensi besar yang dimiliki Malaysia dan Vietnam," katanya.

Beliau berkata, ia mengambil kira nilai dagangan global Malaysia yang telah melepasi RM2 trilion (AS\$477 bilion), sementara nilai dagangan global Vietnam hampir mencecah AS\$650 bilion (RM2.7 trilion).

Katanya, persefahaman telah dicapai supaya Mesyuarat ke-4 Jawatankuasa Perdagangan Bersama (JTC) diadakan dalam masa terdekat bagi menetapkan hala tuju tentang sasaran perdagangan dua hala Malaysia-Vietnam.

Menurutnya, ia juga bagi meneliti hasrat Vietnam untuk mencapai keseimbangan dagangan dengan Malaysia.

Negara catat 4 juta kes Covid-19

PUTRAJAYA – Jumlah keseluruhan kes Covid-19 di seluruh negara kini mencecah 4,010,952 kes, selepas pertambahan sebanyak 17,828 jangkitan harian dilaporkan kelmari.

Dalam masa sama, sebanyak 28,003 kes sembuh kelmari sekali gus melepasi jangkitan baharu Covid-19 dengan jumlah kumulatif kes sembuh sebanyak 3,712,668 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada kes jangkitan Covid-19 yang dilaporkan semalam, sebanyak 156 kes kategori tiga, empat dan lima.

"Mengikut pecahan, kategori satu sebanyak 9,121 kes (51.16 peratus), kategori dua sebanyak 8,551 kes (47.96 peratus), kategori tiga sebanyak 55 kes (0.31 peratus), kategori empat sebanyak 48 kes (0.27 peratus) dan kategori lima 53 kes (0.30 peratus).

"Daripada 156 kes kategori tiga, empat dan lima, 33 kes (21.15 peratus) tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi, 64 kes (41.03 peratus) telah menerima dua dos vaksin Covid-19 tetapi belum menerima dos



PENULARAN Covid-19 di Malaysia mencecah angka 4,010,952 kelmari, manakala pesakit sembuh sebanyak 3,712,668 kes. - GAMBAR HIASAN

penggalak dan 59 kes (37.82 peratus) telah menerima dos penggalak.

"Selain itu, 109 kes (69.87 peratus) berumur 60 tahun dan ke atas dan 91 kes (58.33 peratus) mempunyai komorbid," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Mengulas lanjut, sebanyak 358 kes memerlukan rawatan di Unit

Rawatan Rapi (ICU), manakala 199 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Sementara itu, data pada laman web COVIDNOW menunjukkan, 63 kematian direkodkan menjadikan sebanyak 34,463 kes, manakala 21 kes meninggal dunia di luar hospital atau brought-in-dead (BID) dengan jumlah terkini BID sebanyak 7,245 kes.

Kit Siang, Najib kena kompaun langgar SOP

PETALING JAYA – Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar memaklumkan Kementerian Kesihatan (KKM) telah mengeluarkan saman terhadap Ahli Parlimen Iskandar Puteri, Lim Kit Siang selepas didapati tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

Perkara itu dimaklumkan, Khairy Jamaluddin dalam satu ciapan di Twiternya semalam sebagai respons kepada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mempersoalkan mengapa Kit Siang tidak didenda kerana berpelukan dengan ahli parti ketika Kongres DAP hujung minggu lalu.

"Kompaun sudah dikeluarkan kepada @limkitsiang," ciapnya. Khairy Jamaluddin turut meminta agar Najib membayar satu kompaun yang dikeluarkan KKM terhadapnya semasa Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor baru-baru ini.

"KKM juga harap @NajibRazak bayar satu kompaun yang dikeluarkan semasa PRN Johor yang masih belum dibayar.

"KKM juga harap @Najib-



KIT SIANG dilihat berpelukan dengan beberapa pemimpin pada Kongres DAP hujung minggu lalu.

Razak menerima empat lagi kompaun dihantar melalui pos daftar yang pegawai Datuk Seri enggan terima sebelum ini," katanya.

Khairy Jamaluddin turut memuat naik gambar kompaun yang dikenakan terhadap Kit Siang dan Najib.

Kelmari, Kit Siang serta Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang hadir pada Kongres DAP disahkan positif Covid-19.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

KKM mengeluarkan kompaun kepada Kit Siang

Khairy Jamaluddin juga berharap Najib selesaikan saman ketika PRN Johor

Oleh MOHD HAFIZ ISMAIL

SHAH ALAM

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengeluarkan kompaun RM1,000 kepada Mentor DAP, Lim Kit Siang kerana berpelukan dalam majlis sosial iaitu ketika Kongres Ke-17 parti berkenaan pada Ahad.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menerusi ciapan di Twitternya pada Selasa.

Khairy Jamaluddin turut memuat naik kompaun yang dikeluarkan tertera

tarikh kesalahan berlaku iaitu pada 20 Mac lalu pada di Pusat Konvensyen Ideal (IDCC), Shah Alam dan diterima oleh anaknya, Lim Hui Ming.

Ia turut menerangkan kesalahan iaitu Perkara 16 (1) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2021, enggan mematuhi apa-apa arahan oleh Ketua Pengarah dengan berpelukan dalam majlis sosial.

Pada Isnin, Datuk Seri Najib Tun Razak menerusi hantaran di Facebooknya mempersoalkan mengapa Kit Siang tidak dikenakan kompaun selepas berpelukan di Kongres DAP.

Dalam ciapan sama, Khairy Jamaluddin turut berharap Najib membayar satu kompaun yang telah dikeluarkan kepadanya ketika kempen Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor yang masih belum diselesaikan.

"KKM juga berharap Najib me-



Khairy Jamaluddin menerusi ciapan di Twitternya memaklumkan kompaun dikeluarkan terhadap Kit Siang atas kesalahan berpelukan dalam majlis sosial pada Ahad lalu.

nerima empat lagi kompaun yang dihantar melalui pos daftar yang enggan diterima oleh pegawai Datuk Seri sebelum ini," katanya.

Negara rekod trend penurunan kes Covid-19

KUALA LUMPUR - Kes positif harian Covid-19 negara terus mencatatkan trend penurunan apabila 17,828 kes direkodkan semalam berbanding 19,105 kes pada 20 Mac, menjadikan 4,010,952 kes kumulatif.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada 17,828 kes positif Covid-19 yang dicatatkan semalam, sebanyak 9,121 kes atau 51.16 peratus melibatkan kategori satu manakala 8,551 kes atau 47.96 peratus melibatkan kategori dua.

"Sebanyak 55 kes (0.31 peratus) berada dalam kategori tiga; 48 kes (0.27 peratus) dalam kategori empat dan 53 kes (0.30 peratus) dalam kategori lima," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Beliau menjelaskan daripada 156 kes Covid-19 yang melibatkan kategori tiga, empat dan lima, 33 kes tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi; 64 kes pula telah menerima dua dos vaksin tetapi belum menerima dos penggalak dan 59 kes lagi telah menerima dos penggalak.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata 28,003 kes sembuh dilaporkan semalam, menjadikan kes sembuh kumulatif sebanyak 3,712,668.

Beliau berkata sebanyak 358 kes memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 199 kes memerlukan alat bantuan pernafasan.

Menurut Dr Noor Hisham, lima negeri menunjukkan peratusan pengisian katil kes kritikal atau ICU lebih 50 peratus iaitu Kuala Lumpur (63 peratus), Kelantan (58 peratus), Johor (57 peratus), Selangor (57 peratus) dan Perak (51 peratus).

Mengenai nilai kadar kebolehan jangkitan (Rt) Covid-19 negara, beliau berkata, ia masih kekal 0.92 dengan Sarawak mencatatkan Rt tertinggi iaitu 1.03 diikuti Perak dengan 1.01.

Beliau juga memaklumkan negara merekodkan dua kluster baharu menjadikan 6,914 kluster secara keseluruhan dengan 292 kluster aktif.

-Bernama



Sejumlah 55 kes (0.31 peratus) berada dalam kategori tiga; 48 kes (0.27 peratus) dalam kategori empat dan 53 kes (0.30 peratus) dalam kategori lima.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

New cases drop to 17,828 yesterday

KUALA LUMPUR: Malaysia's Covid-19 new infections has dropped to 17,828 in the last 24 hours.

The new cases showed a declining trend from Monday's 19,105 cases, bringing the cumulative coronavirus cases in the country to 4,010,952.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the majority of the 17,828 cases were in Category 1 at 9,121 cases or 51.16 per cent, while 8,551 patients or 47.96 per cent were in Category 2.

"There are 55 patients identified under Category 3, followed by 48 individuals under Category 4 and 53 in Category 5.

"Of the total cases today (yesterday), 17,421 were local transmissions involving 16,709 Malaysians and 712 foreigners.

"There are 407 imported cases involving 394 locals and 13 foreigners," he said yesterday.

Of the 156 Covid-19 patients listed under Category 3, 4 and 5 as reported on Monday, Dr Noor Hisham said 33 had yet to receive or complete their vaccination.



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

"There are 64 cases who have completed their vaccination, but have yet to receive their booster shots.

"A total of 59 patients have received booster doses, 109 cases are individuals

who are above 60 and 91 patients have comorbidities," he said.

Dr Noor Hisham said there were 358 Covid-19 patients and suspected cases being treated at Intensive Care Units, and 199 patients needed ventilators, of which 79 were Covid-19 cases.

He said the number of Covid-19

patients requiring ventilators had reduced to 22 per cent or 199 cases.

Up to Monday, 1,260 Covid-19 patients had been admitted to hospitals, of which 523 cases or 41.5 per cent were in Category 3, 4, and 5, and 737 cases or 58.5 per cent were patients in Category 1 and 2.

Based on the Health Ministry's CovidNow portal, the country's latest death toll also showed a slight decline to 63 cases from 71 reported on Monday.

Of yesterday's new Covid-19 fatalities, 21 were brought-in-dead (BID) cases. The new fatalities brought the total of Covid-19 deaths in the country to 34,463.

The latest number of people who recovered came to 28,003, raising the cumulative cases to 3,712,668.

On Monday, the nation's Covid-19 infectivity rate or Rt stood at 0.92. Only Sarawak and Perak recorded a value of 1.03 and 1.01, respectively.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NEWS



1 A doctor in Personal Protective Equipment examining a cancer patient who is Covid-19 positive before being transferred to the Covid-19 ward at the National Cancer Institute in Putrajaya yesterday. PIX BY MOHD FADLI HAMZAH

2 A nurse helping a Covid-19 infected cancer patient to make a video call to loved ones as another prepares her meal.

3 A cancer patient who is Covid-19 positive having her meal alone in her room at the special ward.

4 A health worker preparing to carry out an X-ray procedure on a cancer patient with Covid-19.

5 A nurse filling in details of patients at a counter in the Covid-19 ward of the National Cancer Institute in Putrajaya yesterday.



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Downward trend of new Covid-19 cases continues

KUALA LUMPUR: Daily new cases of Covid-19 in the country continued to drop with 17,828 infections recorded on Monday compared with 19,105 cases the day before.

This brings the cumulative cases to 4,010,952.

Of the 17,828 cases, Health director-general, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said that 9,121 cases (or 51.16%) involved Category One while 8,551 cases (47.96%) were in

Category Two.

"Fifty five cases (0.31%) were in Category Three; 48 cases (0.27%) in Category Four and 53 cases (0.30%) in Category Five," he said in a statement, as reported by Bernama.

He noted that from the 156 cases in Category Three, Four and Five, 33 cases involved those who were not vaccinated or have not completed their vaccination; 64 cases had received two doses of vaccine but

have not obtained their booster shots while 59 cases had been given the booster dose.

Dr Noor Hisham said 28,003 recovery cases were reported on Monday, taking the cumulative recoveries to 3,712,668.

He said 358 cases required treatment at the intensive care unit (ICU) and 199 cases needed respiratory assistance.

He added that five states had crit-

ical ICU bed occupancy of more than 50%. They were Kuala Lumpur (63%), Kelantan (58%), Johor (57%), Selangor (57%) and Perak (51%).

On the infectivity rate (Ri) in the country, he said it was still at 0.92 with Sarawak recording the highest at 1.03 followed by Perak with 1.01.

He also said the country logged two new clusters bringing the total clusters to 6,914 with 292 clusters still active.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Daily new cases on decline

KUALA LUMPUR: Daily new cases of Covid-19 in the country continued to drop, as 17,828 cases were recorded on Monday compared with 19,105 on Sunday, with cumulative cases at 4,010,952.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said from 17,828 positive cases on Monday, 9,121 involved Category One while 8,551 were in Category Two.

"Fifty five cases were in Category Three, 48 in Category Four and 53 in Category Five."

He added that from 156 cases categories Three, Four and Five, 33 were not vaccinated or have not been fully vaccinated, 64 had received two doses of vaccine but not a booster shot, while 59 had received boosters.

Noor Hisham said 28,003 recovery cases were reported on Monday, taking cumulative recoveries to 3,712,668.

He said 358 cases required treatment at intensive care units (ICU) and 199 needed respiratory assistance.

Five states with critical ICU bed occupancy of more than 50% were Kuala Lumpur (63%), Kelantan (58%), Johor (57%), Selangor (57%) and Perak (51%).

On the infectivity rate (Rt) in the country, he said it was still at 0.92, with Sarawak recording the highest Rt at 1.03, followed by Perak with 1.01.

He also said the country registered two new clusters, bringing the total clusters to 6,914, with 292 clusters still active. - Bernama



NATURE'S GIFT ... A visitor to Kampung Janda Baik in Pahang collecting spring water from a makeshift hillside kiosk that is popular with both locals and travellers. - **AFPIX/MOHD RASFAN**

Malaysia, Vietnam agree on mutual use of vaccination apps

HANOI: Malaysia has agreed to recognise Vietnam's Covid-19 vaccination certificate to boost tourism activities under a post-pandemic cooperation arrangement between the two countries, said Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

He said the move was possible as Vietnam used vaccines approved by the World Health Organisation, and had agreed to recognise Malaysia's vaccination certificate, adding that Vietnam reopened its borders on March 15 while Malaysia will do so on April 1.

"I have put forward several new initiatives of cooperation, apart from bringing existing cooperation to a higher level.

"First, the mutual recognition of Covid-19

vaccination certificates. Vietnam earlier accorded recognition to Malaysia's vaccination certificate in August 2021.

"During my meeting with Vietnamese Prime Minister Pham Minh Chinh, I informed him that Malaysia agreed to recognise Vietnam's vaccination certificate," he told a press conference for Malaysian journalists yesterday on the outcome of his two-day official visit to Vietnam.

Ismail Sabri also suggested that the two countries finalise the process for integration of the MySejahtera app with Vietnam's PC COVID platform, Bernama reported.

"This integration will facilitate travel through the gateways of the two countries.

This means the people of Vietnam can use their app to enter our country, and we can use MySejahtera in Vietnam.

"This will definitely promote tourism between the two countries," he said, adding that his visit has strengthened bilateral cooperation in various fields, including economy, investment and tourism.

On Sunday, Ismail Sabri called on Vietnam President Nguyen Xuan Phuc at the Presidential Palace, followed by meetings with Communist Party of Vietnam general secretary Nguyen Phu Trong and National Assembly chairman Vuong Dinh Hue. Ismail Sabri spoke fully in Bahasa Malaysia at all the meetings and communicated via a translator.

15.5 million adults given booster shots

KUALA LUMPUR: A total of 15,507,221 adults in Malaysia have received their Covid-19 booster shots as of Monday.

Based on the CovidNOW website, a total of 23,220,067 of the group have received at least one dose of the vaccine, including 22,944,111 who have completed their vaccination.

A total of 2,942,850 adolescents aged between 12 and 17 have received at least one dose of the vaccine, including 2,844,722 who have completed their vaccination.

A total of 1,267,491 children aged between five and 11 have received the first dose of the vaccine under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children.

On Monday, a total of 28,360 doses of the vaccine were dispensed, comprising 4,848 as first doses, 1,651 as second shots and 21,861 booster doses, bringing the cumulative number of vaccine doses given under the National Covid-19 Immunisation Programme to 68,515,709.

According to the Health Ministry GitHub portal, 63 deaths due to Covid-19 were recorded on Monday, with Johor recording the highest number at 14, followed by Selangor with 13, Perak with 12 and Kedah with four.

Penang, Sarawak and Kuala Lumpur recorded three deaths each, while Malacca, Sabah and Terengganu recorded two cases each, and Kelantan, Negri Sembilan, Pahang, Perlis and Labuan had one case each.

Meanwhile, PAS president Tan Sri Abdul Hadi Awang is recovering well from Covid-19 infection, according to his son Muhammad Khalil.

"Last night, I spoke with him and his condition was improving, with the fever receding," said Muhammad Khalil, who is Batu Buruk state assemblyman. - Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Tiada kluster Covid-19 berkaitan PRN Johor

JOHOR BAHRU: Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) mengesahkan tiada kluster baharu Covid-19 membabitkan Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor dikesan di negeri itu setelah 10 hari pilihan raya berkenaan berakhir.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr. Aman Rabu berkata, pihaknya percaya perkembangan baik itu hasil prosedur operasi standard (SOP) khas PRN Johor yang dibentuk Kementerian Kesihatan dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

“Berdasarkan pemantauan ke atas data harian di negeri Johor pasca PRN, tiada kluster baharu melibatkan PRN Johor. Ini susulan SOP Khas yang memastikan tiada kes positif dibenarkan keluar mengundi.

“Malah, mereka dalam kategori Individu Dalam Siasatan (PUI) dan Individu Yang Dijangkiti Penyakit Berjangkit (PUS) juga hanya dibenarkan mengundi sekiranya mendapat kebenaran secara bertulis

daripada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang menyelia,” katanya ketika dihubungi, semalam.

PRN Johor berakhir pada 12 Mac lalu setelah dua minggu kempen dibenarkan bagi memilih 56 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johor ekoran pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 22 Januari.

Pelbagai pihak sebelum ini terutama para pengundi dilihat bimbang dengan penularan kes Covid-19 yang tinggi di negeri itu dan seluruh negara sehingga mendorong mereka enggan keluar menunaikan tanggungjawab masing-masing sebagai pemilih.

Sementara itu, sehingga pukul 12 tengah hari kelmarin, sebanyak 1,441 kes baharu, positif Covid-19 dikesan di Johor dengan 1,403 merupakan kes tempatan selain 18 kematian dicatatkan.

Namun, angka itu semakin menurun berbanding 2,298 kes positif baharu yang direkod pada 12 Mac lalu iaitu hari pengundian PRN Johor diadakan.